

28/02/2003

MRSM Bitara Langkawi terbaik

Wan Jailani Razak

MAKTAB Rendah Sains Mara (MRSM) Bitara Langkawi mencatat kejayaan cemerlang apabila 10 pelajarnya memperoleh 10 1A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, sekali gus muncul MRSM terbaik seluruh negara.

Selain itu, Pengetuanya, Mohd Ikram Abdullah, berkata 15 pelajar MRSM yang mencapai kelulusan 100 peratus itu juga cemerlang apabila mendapat 9

1A.

Lebih membanggakan lagi, katanya, semua 165 pelajar maktab memperoleh gred A dalam Matematik, manakala 10 calon yang mengambil subjek Rekacipta juga mendapat 1A.

"Saya gembira dengan pencapaian ini kerana ini adalah kali kedua MRSM ini mencapai kejayaan cemerlang selepas menduduki tempat kedua tahun sebelumnya.

"Kejayaan ini berkat kerjasama dan komitmen semua guru, kakitangan dan pelajar maktab ini," katanya.

Berdasarkan analisis subjek, seramai 125 pelajar mendapat 1A bagi Bahasa

Melayu, Bahasa Inggeris (65), Pendidikan Islam (130), Sejarah (78), Matematik (164), Matematik Tambahan (81), Prinsip Akaun (15), Rekacipta (10), Fizik (53), Kimia (72), Biologi (24) dan Tasawwur (102).

MRSM Bitara Langkawi yang terbesar dan termoden itu adalah MRSM ke-25 ditubuhkan di negara ini atas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ia beroperasi pada Februari 1999.